

# Produk bantu kanak-kanak disleksia juara simulasi

● NASHAIRI MOHD NAWI | BERITA HARIAN



KETUA Proses Perniagaan dan Keusahawanan UPM, Ahmed Razman Abdul latiff (kiri) meraikan kemenangan pelajarnya, Braineo Solution Sdn Bhd yang mendapat tempat pertama dalam pertandingan simulasi perniagaan.

Oleh Nur Fariza Ramlan dan Nor Amanina Omar  
[bhvarsiti@bharian.com.my](mailto:bhvarsiti@bharian.com.my)

**K**UALA LUMPUR: Universiti Putra Malaysia (UPM) muncul juara Pertandingan Simulasi Perniagaan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Peringkat Kebangsaan 2012.

UPM mengemukakan dua produk khas untuk kegunaan kanak-kanak yang menghidap disleksia penglihatan iaitu 'Diagnostic' berfungsi untuk menganalisis tahap IQ kanak-kanak manakala produk 'Thonic Tutor Software' dilengkapi tiga alat bantuan pembelajaran untuk membantu kanak-kanak disleksia penglihatan.

Pertandingan yang mengumpulkan 95 siswazah dari 19 IPTA itu bertujuan menyediakan landasan untuk maha-

siswa merasai suasana bekerja sebenar melalui pengurusan perniagaan dan meningkatkan kemahiran komunikasi dan disiplin kerja berkumpulan.

Program itu julung kali dianjurkan Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia (UUM) serta Pusat Pengamal Keusahawanan Malaysia.

Sementara itu, pemenang bagi kategori Ketua Pengarah Urusan Terbaik, Mohd Izwan Mahadi dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) berkata, tanggungjawab sebagai ketua pengarah urusan bukan sekadar menguruskan syarikat malah membabitkan kemahiran seperti strategi pemasaran dan perakaunan.

Majlis penutup pertandingan berkenaan dilakukan oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Hua Kok Chung.